



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

UMK.PC/B01.02/100-6/1(44)

29 OGOS 2013

PEKELILING AKADEMIK BIL. 6/2013

PENYELARASAN PENAWARAN KURSUS TERAS KEUSAHAWANAN UNIVERSITI

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Senat Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui Mesyuarat Bilangan 4/2013 (Kali ke-64) telah meluluskan cadangan penyelarasan penawaran Kursus Teras Keusahawanan Universiti sepertimana jadual berikut:

SEMESTER DAN TAHUN	NAMA SERTA KOD KURSUS
Semester 1, Tahun 1	Asas Keusahawanan (AFT 1013)
Semester 2, Tahun 1	Gelagat Keusahawanan (APT 2013)
Semester 3, Tahun 2	Keusahawanan Korporat (AFT 3093)
Semester 5, Tahun 3	Keusahawanan Strategik (APT 3083)

3. Senat UMK juga telah bersetuju menetapkan penilaian Kursus Teras Keusahawanan tersebut adalah berdasarkan pecahan 60% penilaian berasaskan aktiviti keusahawanan dan 40% penilaian berasaskan peperiksaan (termasuk kuiz, peperiksaan pertengahan semester dan peperiksaan akhir).


4. Semua pihak dipohon mengambil maklum dan mematuhi perkara di atas.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM DIMARTABAT, RAJA DIDAULAT, NEGERI BERKAT"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,



PROF. DR. ROSELINA AHMAD SAUFI
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

- s.k.
- YBhg. Prof. Datuk Naib Canselor
 - YBhg. Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Pendaftar
 - Semua Dekan/ Pengarah Pusat
 - Edaran